

KERAJAAN NEGERI KELANTAN


**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI KELANTAN
BILANGAN 8 TAHUN 2020**

**DASAR TAMBAHAN BAGI PERMOHONAN TENEMEN MINERAL UNTUK
PERLOMBONGAN MINERAL NADIR BUMI (REE)**

Pekeliling ini dikeluarkan untuk makluman kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Pihak Berkuasa Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali Ke-10/2020 yang bersidang pada 06 Mei 2020 di bawah Perkara-Perkara Lain (6) telah membuat keputusan bersetuju dengan cadangan yang dikemukakan oleh Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Kelantan untuk menambahbaik dasar mengenai permohonan tenemen mineral untuk perlombongan Mineral Nadir Bumi (REE) susulan daripada kelulusan oleh Pihak Berkuasa Negeri bagi permohonan lesen melombong tuan punya bagi operasi perlombongan Niobium di kawasan RPT Air Chanal, Mukim Jedok, Jajahan Tanah Merah sebagaimana berikut:-

- i. Kerajaan Negeri akan melantik Konsultan Perlombongan yang bertauliah yang mempunyai kepakaran dan pengalaman dalam menjalankan kajian serta pemetaan udara di dalam kawasan yang bermula dari HKS Jedok hingga ke Kuala Balah serta kawasan sekitar bagi mengenalpasti kewujudan mineral REE yang ekonomik untuk diusahakan pada masa hadapan.
- ii. Semua permohonan untuk mendapatkan tenemen mineral bagi operasi perlombongan mineral REE yang melibatkan Tanah Kerajaan, Tanah Milik dan Tanah HSK adalah tidak dibenarkan sama sekali.
- iii. Kawasan-kawasan yang telah dikenalpasti mempunyai mineral REE akan diberimilik kepada Pesuruhjaya Tanah Kelantan (PTK) sekiranya berstatus Tanah Kerajaan.
- iv. Bagi kawasan berstatus Hutan Simpan Kekal (HSK) akan diwartakan terlebih dahulu dan setelah menjadi Tanah Kerajaan ianya juga akan diberimilik kepada PTK.

- v. Manakala bagi mana-mana Tanah Milik yang telah dikenalpasti mempunyai mineral REE, akan dibuat pengambilan tanah di bawah peruntukan Akta Pengambilan Tanah 1960 oleh PTK.
 - vi. Mana-mana permohonan milik tanah kerajaan di dalam kawasan potensi mineral REE hendaklah ditolak oleh Pihak Berkuasa Negeri.
 - vii. Pengurusan sumber mineral REE di Negeri Kelantan hendaklah dikendalikan oleh syarikat yang mempunyai kepakaran dalam bidang tersebut yang diiktiraf oleh Jabatan Mineral Dan Geosains Malaysia, Jabatan Perlesenan Tenaga Atom, Agensi Nuklear Malaysia dan Jabatan Kimia Malaysia.
2. Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan hendaklah mengambil tindakan yang sewajarnya selaras dengan pemakaian pekeliling ini.
3. Pekeliling ini juga hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling PTG Bil. 5/2020 dan berkuatkuasa dengan serta merta.



.....
DATO' HAJI ZAMRI BIN HAJI ISMAIL *D.P.S.K.(Kelantan), K.M.N.*
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN

KEPADA:

YABhg. Dato'/Yang Amat Berusaha
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA:

1. YAB. Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. YB. Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Pengarah Jabatan Audit Negara Negeri Kelantan
7. YABrs. Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan
8. YABrs. Pengarah Jabatan Mineral Dan Geosains Negeri Kelantan
9. YABrs. Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Kelantan
10. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN

NEGERI KELANTAN

BLOK 3 KOTA DARULNAIM

15576 KOTA BHARU

KELANTAN

NO. FAIL : PTG.KN.16/12/37 JLD.2

BERTARIKH : 12 SYAWAL 1441H

04 JUN 2020